



MUHAMMAD Muda (tengah) melancarkan Seminar Quran, Sunnah dan Sains di Seremban, baru-baru ini.

USIM tubuh IKEQS martabat al-Quran

SEREMBAN 15 Feb. – Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menubuhkan Institut Ke-fahaman Quran dan Sunnah (IKEQS) ke arah memartabatkan pengajian al-Quran dan sunnah selari dengan arus kemajuan bidang sains dan teknologi semasa.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhammad Muda berkata, institut berkenaan akan berfungsi sebagai sebuah pusat penyelidikan ke arah mengintegrasikan dua sektor ilmu tersebut bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam di era globalisasi ini.

“Ia meliputi penyelidikan saintifik dan kontemporari berkaitan al-Quran dan sunnah, pengembangan kesenian al-Quran seperti qiraat, taranum, kaligrafi dan seumpamanya.

“Selain itu, ia juga akan dijadikan tempat pengumpulan dan pengurusan maklumat termasuk aspek pentadbiran dan penyelesaian isu-isu semasa yang berkaitan dengan al-Quran dan sunnah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Quran, Sunnah dan Sains

(SQSS) serentak dengan pelancaran produk pertama IKEQS- IQRA’ versi braille, baru-baru ini.

Bagi memantapkan lagi perkembangan institut itu, Muhammad memberitahu, pelbagai perancangan awal serta aktiviti telah dirangka bagi memastikan keberkesannya.

“Antaranya, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan elektronik, pembangunan galeri, penerbitan, perhubungan, khidmat konsultasi, latihan, seminar, bengkel berkala termasuk klinik untuk mendalami ilmu berkaitan al-Quran dan sunnah,” ujarnya.

Katanya, sebagai tambahan, institut tersebut juga akan menjalankan usaha untuk menghasilkan aplikasi, produk, perisian, laman web serta ensiklopedia berteraskan al-Quran dan sunnah dengan kerjasama institusi berkaitan dari dalam dan luar negara.

Tambah Muhammad, penubuhan pusat berkenaan sejajar dengan hasrat kerajaan dalam usaha melahirkan modal insan berminda kelas pertama berasaskan al-Quran dan sunnah.